

Dynamic Horizon
Pelan Takaful

MEMPERKASAKAN STRATEGI ANDA, MENGUKUHKAN MASA DEPAN ANDA

Tingkatkan kekayaan dan jamin masa depan
kewangan anda dengan hibah

Diunderaik oleh Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506)

eTiqa
Takaful Keluarga



Bukan sahaja Takaful,
Etiqa Takaful

Menginsankan

Perkhidmatan Kewangan



Maybank Islamic

Tertakluk pada terma dan syarat.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Etiqa Family Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



Dynamic Horizon

Pelan takaful berkaitan pelaburan dengan sumbangan tunggal ini menyediakan perlindungan sehingga umur 100 tahun. Ia menawarkan pelbagai pilihan dana yang sejajar dengan matlamat kewangan dan toleransi risiko anda, memberikan fleksibiliti dengan pelbagai pilihan dana, perlindungan serta manfaat hibah. Manfaat hibah memastikan bahawa, sekiranya berlaku kematian, manfaat-manfaat akan disalurkan kepada penerima hibah yang dinamakan, sekali gus menjamin kestabilan kewangan yang tersayang.

Manfaat-manfaat



Hibah Takaful

Manfaat hibah tidak akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka mengikut hukum Fara'id bagi Muslim, dan bagi yang bukan Muslim, manfaat ini tidak termasuk dalam harta pusaka serta tidak tertakluk pada hutang si mati.



Perlindungan Hayat Jangka Panjang

Dapatkan perlindungan sehingga 125% daripada sumbangan tunggal anda untuk ketenangan kewangan apabila ia paling diperlukan.



Fleksibiliti

Pelbagai pilihan dana patuh Syariah disediakan, membolehkan sumbangan tambahan, penukaran dana serta pengeluaran separa bagi memberikan fleksibiliti yang lebih tinggi dan potensi pulangan yang lebih baik.



Penerimaan Terjamin

Jaminan penerimaan untuk permohonan dengan sumbangan tunggal sehingga RM2,000,000. Tidak perlu menjalani pemeriksaan perubatan.



Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK)

Jumlah sekali gus* akan dibayar sekiranya berlaku HUMK sebelum ulang tahun sijil pada usia 69 tahun atau sekiranya berlaku kematian sebelum ulang tahun sijil pada usia 100 tahun.

*Sekiranya berlaku kematian atau HUMK, jumlah tertinggi daripada yang berikut akan dibayar:

- a) Nilai akaun pada penilaian seterusnya dengan serta-merta selepas tuntutan dibuat; atau
- b) Jumlah perlindungan asas BERSERTA sumbangan tambahan DITOLAK jumlah pengeluaran separa yang didarab dengan pengganda jumlah perlindungan asas; atau
- c) RM5,000




Alif, 35 tahun | Bukan perokok


Sumbangan Tunggal Awal: RM1 juta **Dana:** 100% Dana Pendapatan Prima Takaful

Alif, seorang usahawan berjaya, memilih pelan takaful Dynamic Horizon dengan matlamat meningkatkan kekayaan peribadinya sambil mengukuhkan perancangan pewarisannya melalui hibah. Strateginya bertujuan untuk menjamin kestabilan kewangan jangka panjang dan kesejahteraan keluarganya.

Senario Tinggi (5% setahun)



Senario Rendah (2% setahun)



Nota:

1. Dua kadar pulangan telah dipilih, 2% setahun (Senario Rendah) dan 5% setahun (Senario Tinggi), untuk menunjukkan kesan kadar pulangan pelaburan yang berbeza terhadap nilai akaun.
2. Kadar pulangan sebenar mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada kadar yang dipilih, atau mungkin negatif.
3. Pulangan sebenar dana akan berubah setiap tahun bergantung kepada prestasi aset dalam dana yang dilaburkan.
4. Anggaran pulangan pelaburan di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak dijamin. Sila rujuk ilustrasi pemasaran untuk maklumat lanjut.
5. Kadar anggaran berdasarkan 100% peruntukan ke dalam Dana Pendapatan Prima Takaful.

Butiran Dana

Nama Dana	Butiran Dana
Dana Syariah Strategik Ekuiti Global	- Dana ini bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal melalui pelaburan dalam portfolio ekuiti patuh Syariah global bagi jangka masa sederhana hingga panjang. - Sesuai untuk individu dengan selera risiko tinggi yang ingin mendapatkan potensi pulangan lebih tinggi daripada ketidakstabilan ekuiti patuh Syariah dalam jangka masa sederhana hingga panjang.
Dana Syariah Sukuk Global	- Dana ini bertujuan untuk mengatasi prestasi Dow Jones Sukuk Index dalam jangka masa sederhana hingga panjang melalui pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah (sukuk), tunai, dan deposit tetap. - Ia disasarkan kepada individu yang mencari strategi pelaburan berisiko rendah dengan pendedahan kepada sukuk dan potensi pulangan sederhana dalam jangka masa sederhana hingga panjang.
Dana Syariah Indeks Ekuiti Global	- Dana ini bertujuan untuk menjejak prestasi Dow Jones Islamic Market Titans 100 Index secara rapat. - Sesuai untuk individu yang mencari strategi pelaburan berisiko tinggi dengan pendedahan kepada ekuiti patuh Syariah dan ketidakstabilan mata wang asing, menawarkan potensi pulangan lebih tinggi dalam jangka masa sederhana hingga panjang.
Dana Pendapatan Prima Takaful	- Dana ini bertujuan untuk mengatasi kadar Deposit Tetap Islamik 12 bulan dalam tempoh 5 tahun melalui pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah, tunai, dan deposit tetap. - Sesuai untuk individu yang ingin mendapatkan pulangan daripada bon patuh Syariah dan percaya bahawa pengurus dana mampu mengatasi prestasi pasaran.
Dana Syariah Seimbang	- Dana ini bertujuan untuk mengatasi prestasi kadar Deposit Tetap Islamik 12 bulan dalam tempoh 5 tahun melalui pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap patuh Syariah. - Ia disasarkan kepada individu yang ingin mendapatkan pulangan lebih tinggi dengan ketidakstabilan yang lebih rendah berbanding Dana Seimbang yang hanya fokus kepada bon atau sekuriti pendapatan tetap.
Dana Ekuiti Prima Takaful	- Dana ini bertujuan untuk mengatasi prestasi FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index dalam tempoh 5 tahun. - Sesuai untuk individu yang mencari pulangan ekuiti dan yakin dengan keupayaan pengurus dana untuk mengatasi prestasi pasaran.

Kelayakan

Terbuka kepada warganegara Malaysia, Singapura, Brunei dan pemastautin Malaysia yang bekerja atau menetap di Malaysia.

Umur Penyertaan	
Orang yang Dilindungi	Peserta*
Berusia 14 hari hingga 70 tahun**	17 tahun** dan ke atas

Nota:

* Hubungan antara Orang yang Dilindungi dan Peserta mestilah pasangan suami/isteri atau anak sahaja.

** Umur pada hari lahir berikutnya.

Caj-caj

Item	Caj
Caj Permulaan	4.5% daripada Sumbangan Tunggal atau Tambah Nilai akan ditolak terlebih dahulu (termasuk 3.75% untuk komisen).
Pertukaran Dana (Minimum RM500 setiap pertukaran)	Tiada Caj
Pengeluaran Separa (Minimum RM500 setiap pengeluaran)	Tiada Caj
Serahan	2.5% daripada sumbangan tunggal untuk penyerahan dalam tempoh 6 tahun pertama.
Tabarru'	Caj <i>tabarru'</i> akan ditolak daripada nilai akaun anda pada awal setiap bulan sijil dan akan bertambah seiring dengan peningkatan usia anda.

Yuran Pengurusan Dana (% daripada Nilai Aset Bersih setahun)	
Nama Dana	
Dana Syariah Strategik Ekuiti Global	1.00
Dana Syariah Sukuk Global	1.00
Dana Syariah Indeks Ekuiti Global	1.00
Dana Pendapatan Prima Takaful	1.00
Dana Syariah Seimbang	1.20
Dana Ekuiti Prima Takaful	1.50

Nota Penting

- 1. Ini adalah pelan takaful berkaitan pelaburan yang berdasarkan prestasi aset-aset asasnya dan ia bukanlah produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah atau deposit tetap.**
2. Brosur ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen. Maklumat yang terkandung boleh berubah tanpa notis awal.
3. Anda harus memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar sumbangannya.
4. Sijil ini mungkin melayakkan anda untuk pelepasan cukai individu, tertakluk pada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
5. Pulangan pelaburan adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan ianya TIDAK DIJAMIN. Risiko pelaburan di bawah sijil ini ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaat yang diterima mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah disumbang kepada dana pelaburan.
6. Syarikat berhak untuk menghentikan pengeluaran atau penebusan unit dalam keadaan luar biasa seperti kesan buruk daripada penjualan pelaburan dalam tempoh singkat atau penutupan sementara mana-mana Bursa Berdaftar yang berkaitan.
7. Prestasi lalu dana tidak semestinya menjadi panduan untuk prestasi masa hadapan. Untuk maklumat lanjut mengenai dana dan pengurus dana, sila rujuk Helaian Fakta Dana.
8. Penyertaan dalam pelan berkaitan pelaburan memerlukan komitmen jangka panjang kerana memegang sijil dalam tempoh pendek adalah tidak digalakkan, berikutan kos permulaan yang tinggi. Jika anda menyerahkan sijil dalam tahun-tahun awal, jumlah yang diterima mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibayar.
9. Anda berhak untuk membatalkan pelan ini dengan menghantar arahan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas menerima sijil. Jika anda membatalkan dalam tempoh tersebut, kami akan memulangkan sumbangan yang tidak diperuntukkan serta caj yang telah ditolak, setelah ditolak kos pemeriksaan perubatan yang dikenakan.
10. Semua caj dan bayaran (jika berkenaan) akan tertakluk pada caj atau cukai yang berkaitan seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa cukai Malaysia.
11. Adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.



Hubungi Wakil Jualan kami sekarang!

Hubungi **1300 88 6688**, kunjungi mana-mana **cawangan Maybank** atau layari **www.maybank2u.com.my** untuk maklumat lanjut, terma-terma dan syarat-syarat.

Pelan ini diunderait oleh Etiqa Family Takaful Berhad (199301011506), sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad (196001000142). Etiqa Family Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Etiqa Family Takaful Berhad beralamat di Dataran Maybank, No.1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur. Pelan ini diedarkan oleh Malayan Banking Berhad dan ibu pejabat beralamat di Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur.